

CNS6986

U GB 08-1.2 00192 BA755

bah

Mahathir - Inflasi

BOIXOT BARANG JIKA PERLU UNTUK BENDUNG INFLASI, KATA PM

(Embargo: Untuk siaran selepas pukul 9 malam, 8 Dis)

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Para pengguna mempunyai peranan, termasuk memboikot barangan yang terlalu tinggi harganya, dalam usaha mengawal inflasi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam mengawal inflasi, kerajaan dan pengguna kedua-duanya mempunyai peranan kerana mereka tidak boleh menyerahkan kepada kuasa-kuasa pasaran sahaja, katanya semasa ditemuramah dalam rancangan +Bersama Perdana Menteri+ melalui RTM malam ini.

Kerajaan mempunyai peranan mengawal inflasi tetapi tidak boleh dinafikan bahawa pengguna mesti memainkan peranan mereka termasuk memboikot kalau perlu barangan yang terlalu mahal.

+Saya berpendapat Persatuan Pengguna cukup berguna. Kalau mereka menumpukan kepada soal pengguna dan mengadakan kempen tidak membeli barang yang harganya tidak berpatutan, saya yakin kita dapat membendung inflasi dalam negara kita,+ katanya merujuk kepada kadar inflasi sekarang yang berada di tahap kira-kira 4.5 peratus.

Perdana Menteri berkata, jika Persatuan Pengguna menumpukan perhatian kepada masalah pengguna tanpa berminat untuk berpolitik, mereka boleh mengambil bermacam-macam tindakan yang menguntungkan pengguna kerana inflasi meruyikan rakyat. -- Lagi.

▼08/12/16-32MST

CNS6992

R GB 08-12 00158 BA756

bah

Mahathir - Inflasi 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata, ada sesetengah negara yang menghadapi inflasi dengan secara automatik menaikkan gaji kononnya untuk mengatasi kenaikan harga barangan.

+Bila gaji dinaikkan, harga barangan turut naik. Ini kerana penjual mempunyai pekerja yang perlu dibayar gaji. Kerana penjual membayar gaji lebih, maka harga barangan pun naik,+ katanya.

Perdana Menteri sekali lagi mengingatkan para pekerja negara ini tentang kesan buruk menuntut gaji yang tinggi kerana ini akan meningkatkan kos apa sahaja barangan yang dikeluarkan oleh Malaysia.

+Bagi Malaysia yang berniaga di seluruh dunia, pasar akar terbantut kalau barangan kita terlalu mahal kerana kos pengeluaran kita dan gaji kita terlalu mahal. Dengan itu barangan kita akan naik harga dan tidak boleh bersaing di luar negeri,+ katanya.

Menurutnya lagi, sebab itulah negara yang bersaing dengan Malaysia kini tidak mampu lagi berbuat demikian kerana kos dan gaji di Malaysia rendah. -- Lagi.

▼08/12/16-36MST

CNS7002

R GB 08-12 0015'9 RR760

bah

Mahathir - Inflasi 3 Kuala Lumpur (Embargo)

+Tetapi apabila dituntut kenaikan gaji dan pengeluaran berkurangan, ini akan menjadikan kita tidak kompetitif. Kalau kita tidak kompetitif, industri kita mungkin gagal, rugi, ditutup dan para pekerja kita akan menganggur, + tambah Dr Mahathir.

Beliau berkata, kepentingan pekerja bukan semata-mata menaikkan gaji mereka tetapi juga terletak kepada masa depan syarikat mereka.

+Itulah sebabnya kerajaan menjaga supaya kos di Malaysia ini tidak naik. Ianya kerana kepentingan pekerja.

+Sebab apa orang asing datang melabur di Malaysia?+ tanya beliau.

+Sebabnya ialah kerana kita jaga kos kita tidak naik dan gaji kita tidak naik terlalu mendadak. Dengan itu orang akan melabur dan sebab itulah hari ini hampir tidak ada penganggusan, +katanya.

Dr Mahathir memberi contoh apa yang berlaku di Amerika sekarang apabila industri diuruskan oleh orang yang hendak gaji terlalu tinggi dengan tumpuan diberi kepada gaji mereka dan bukan kepada produktiviti. --Lagi.,

▼08/12/16-46MST

CNS7004

R GR '08-12 00065 BA761

bah

Mahathir Inflasi 4 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Akhirnya kualiti barangan mereka jatuh, menyebabkan syarikat gergasi seperti General Motors, iaitu syarikat yang terbesar sekali di dunia, merosot prestasinya.

+Jangan kita terlalu taksu dengan gaji besar sehingga kita lupa tentang kepentingan meningkatkan keupayaan industri kita supaya kita terns boleh bersaing dengan negara-negara lain, +katanya. -- Bernama.

▼08/12/16-47MST